

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : NO. 60

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah spesifikasi model dan pengkhususan teknologi yang diterapkan dalam projek Kereta Nasional 3.0 yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan kelak dan adakah dengan spesifikasi tersebut, Kereta Nasional 3.0 mampu memberi kesan positif jangka panjang kepada alam sekitar dan penggunaan minyak.

**JAWAPAN : YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek kereta nasional baharu akan menumpukan kepada kenderaan masa hadapan seperti pemanduan berautonomi dan akan menggunakan enjin elektrik atau hibrid. Kereta nasional baharu ini juga akan berasaskan teknologi industri revolusi keempat atau pemanduan sendiri dan dijangka akan mula berada di pasaran dua tahun lagi.

Transformasi kearah kereta elektrik atau hibrid dianggap sebagai kereta masa depan kerana ia mampu dan berkesan menjimatkan bahan api dan pada masa yang sama, ia hanya menghasilkan asap toksik tahap rendah. Kerana kelebihan ini, populariti kereta hibrid kini semakin berkembang setiap hari. Ramai orang kini mempertimbangkan sama ada untuk menukar kereta konvensional mereka dan membeli sebuah kereta hibrid untuk membantu dalam mengurangkan kos penggunaan bahan api.

Kenderaan mesra alam merupakan satu keperluan pada masa akan datang memandangkan kenderaan konvensional yang menggunakan ICE menggunakan bahan api hidrokarbon dan mendatangkan masalah pencemaran alam yang berskala besar berpunca daripada jumlah kenderaan yang banyak di atas jalan raya.

Kesedaran pengguna kepada kenderaan sebegini di negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun meningkat menyebabkan permintaan kepada kenderaan menjadi lebih besar. Di China pula, ia berlaku kerana pencemaran alam sekitar yang kronik akibat pembangunan yang pesat.